

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 24.11.2014

SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan terperinci pemilihan pelajar-pelajar bagi kursus farmasi, perubatan dan pergigian di universiti awam negara sehingga pelajar cemerlang tidak diberikan kursus yang mereka pilih. Berikan pecahan pelajar yang berjaya dalam tiga kursus di atas berdasarkan pencapaian Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM) sejak 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemilihan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan menggunakan pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit calon. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua pemohon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, jantina, bangsa, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat di IPTA.

Penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua

elemen akademik dan kokurikulum calon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik.

Pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan dan bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Pada masa ini, kemasukan pelajar ke IPTA adalah sangat kompetitif kerana bilangan tempat yang disediakan adalah terhad bagi menampung permintaan yang semakin meningkat. Hanya pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut susunan merit, pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan, pilihan IPTA serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Selain daripada itu, proses temu duga turut dilaksanakan di IPTA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu demi memastikan IPTA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan.

Sesetengah program pengajian bertemu duga mendapati pemohon gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk mengikuti program pengajian berkaitan. Sekiranya pemohon gagal dalam temu duga berkenaan, mereka masih boleh dipertimbangkan untuk ditawarkan program pengajian lain dalam pilihan mereka atau sekiranya mereka bersetuju untuk menerima tawaran selain daripada program pengajian

yang dipohon, KPM akan cuba memastikan pemohon ditawarkan program pengajian yang bersesuaian berdasarkan kelayakan dan kekosongan tempat di IPTA.

Peratus jaya (*success rate*) pemohon pula bergantung kepada bilangan pemohon yang layak mengikut program pengajian dan trend pemilihan calon. *Trend* pemilihan calon tidak dapat dikawal oleh sistem atau pihak IPTA, kerana kuasa memilih program pengajian dan IPTA adalah terletak di tangan pemohon sendiri.

Bilangan calon lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi yang ditawarkan tempat bagi mengikuti program pengajian perubatan, pergigian dan farmasi di IPTA pada tahun 2008 hingga 2014 berjumlah seramai 5,912 orang bagi program perubatan, 1,120 bagi program pergigian dan 1,822 bagi program farmasi.